

Appendix A

Encik Zainudin Nordin: Tuan Pengerusi, sejak beberapa tahun yang lalu, beberapa insiden telah berlaku di mana ianya meningkatkan lagi tekanan terhadap hubungan di antara masyarakat Islam dengan mereka yang berlainan agama, seperti kartun yang disiarkan oleh sebuah akhbar Denmark, ucapan Pope dan lain-lain lagi. Singapura adalah sebuah negara yang muda dan berbilang bangsa dan agama. Tekanan-tekanan sebegini akan membawa kesan kepada kita. Adalah lebih baik untuk kita bersiap sedia sebelum perkara yang tidak diingini berlaku di Singapura. Ia adalah penting untuk rakyat Singapura memahami kepercayaan agama antara satu sama lain agar hubungan baik dapat dipupuk dan ianya boleh menjadi kekuatan dan benteng semasa berlakunya krisis.

Tuan, program CEP yang dilancarkan oleh Perdana Menteri tahun lalu berharap untuk mencapai objektif tersebut. Kita faham bahawa ianya adalah kewajipan setiap masyarakat untuk mempertingkatkan keharmonian kaum dan kesefahaman agama. Apakah usaha yang telah dilakarkan oleh masyarakat Melayu/Islam dalam usaha-usaha ini?